

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

## **Melayu Nak Maju, Mesti Hilang Rupa Bangsa?**

Durasi: 1:36:44

### **Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:13 - 2:12)**

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada penonton setia Perbincangan Rakyat Demi Melayu. Pada hari ini kita akan membicarakan topik tentang Melayu Nak Maju, Mesti Hilang Rupa Bangsa? Adakah ini satu fakta, sesuatu perkara yang dipandang relevan, dan adakah benar-benar terjadi pada ketika ini kerana pada suatu ketika dahulu Melayu cukup terkenal dengan busananya, pemakaiannya tetapi disebabkan pemodenan zaman, busana itu seakan-akan hilang. Malam ini kita akan bersama dengan beberapa orang panel. Kita ada Ustaz Mohd Ridzuan Ahmad, kita ada Dr Mastor dan Sheikh Abd Kareem. Dengan itu, majlis menjemput para panel kita. Assalamualaikum dan selamat datang.

### **Para panel = (2:12 - 2:15)**

Walaikumussalam w.b.t.

### **Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (2:15 - 2:39)**

Baik, bagi membicarakan topik kita pada malam ini, kita hendak bertanya kepada Ustaz Mohd Ridzuan. Apabila menyebut tentang rupa bangsa Melayu atau Melayu itu sendiri, bolehkah busana yang kita pakai ini dikaitkan dengan jati diri bangsa? Silakan Ustaz.

### **Ustaz Mohd Ridzuan Mazaki (ahli panel) = (2:42 - 9:16)**

Terima kasih kepada tuan moderator, saudara Hakiem Samad dan kepada ahli-ahli panel yang lain iaitu Sheikh Abd Kareem, dan Dr Mastor Surat. Semua merupakan orang yang sangat saya hormati dan segani. Saya berbesar hati atas jemputan Demi Maliau dan dalam masa yang sama rasa sangat kerdil dalam kalangan ahli panel yang sangat hebat ini. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah, kita bersiaran secara langsung dan insyaAllah tajuk yang sangat menarik pada malam ini dan jika kita lihat pada soalan tadi, adakah busana Melayu ini boleh dikaitkan dengan rupa bangsa Melayu. Jawapannya memang sudah tentu boleh kerana setiap bangsa ini mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri khas. Maksudnya, Melayu ini mempunyai busananya,

pakaian tradisinya dan bangsa-bangsa lain juga dikurniakan atau mempunyai ciri-cirinya sendiri. Sebagai contoh, bangsa Cina dengan cheongsam, India dengan pakaian kurta dan sebagainya. Jadi, apabila menyebut tentang Melayu, apakah rupa bangsanya? Saya hendak kongsi dalam kesempatan ini tentang satu syair yang ditulis atau dikarang oleh budayawan, sasterawan yang sangat terkenal iaitu Tengku Nasaruddin Effendy terkenal dengan nama penanya iaitu Pak Tenas Effendy. Saya bacakan sedikit syairnya yang bertajuk Tunjuk Ajar Melayu. "Apa tanda Melayu jati bersama Islam hidup dan mati. Apa tanda Melayu jati, Islam melekat di dalam hati. Apa tanda Melayu jati, dengan Islam ia bersehati. Apa tanda Melayu jati, memeluk Islam tiada menyalah. Apa tanda Melayu bertuah, sebarang laku menurut sunnah. Apa tanda Melayu bertuah, hidup taqwa kepada Allah. Apa tanda Melayu bertuah, hidup mati bersama aqidah." Jadi, Alhamdulillah, almarhum Pak Tenas telah memberi satu gambaran yang sangat jelas tentang apa itu Melayu. Ada banyak kata-kata kunci yang kita boleh lihat dalam syair ini iaitu mengikut sunnah, mengikut aqidah, menurut sunnah dan bertaqwa kepada Allah SWT. Jadi, jika kita lihat busana Melayu ini, rupa bangsa Melayu ini adalah memang mematuhi syarak. Apa itu syarak? Maka itulah rupa bangsa Melayu. Apa rupa bangsa Melayu? Itulah yang mematuhi dan mengikuti apa yang digaris pandukan dalam Islam. Sangat cantik apa yang terdapat dalam Melayu ini. Gerak langkahnya, adatnya, semuanya berinspirasi dengan apa yang menurut sunnah Nabi dan juga apa yang membawa dirinya taqwa kepada Allah SWT. Apa contoh dan buktinya? Jika kita lihat busana Melayu ini sama ada lelaki atau wanita, mematuhi syarak. Syarak yang bagaimana? Maknanya, menutup aurat sepenuhnya dan bukan hanya menutup aurat, dalam pemakaian tersebut ada falsafah-falsafah yang sangat tinggi, ada perkara-perkara yang hendak ditunjukkan dan dizahirkan. Tidak lain tidak bukan dia adalah agama. Jika kita lihat kata-kata yang menyebut bahawasanya yang tidak dijunjung oleh orang Melayu melainkan tiga perkara iaitu al-Quran, keris dan tanjak. Ada yang menyandarkan kata-kata ini kepada Hang Tuah. Walau bagaimanapun, kita lihat dalam isi kandungan apa dalam ungkapan ini yang ingin menunjukkan bahawa ini selari dengan syariat. Bahawasanya al-Quran itu adalah lambang kepada agama dijunjung, dijaga, disyariatkan atau ditegakkan dan seterusnya adalah keris-keris yang merupakan lambang kepada bangsa. Jadi, ia dijunjung dan dijanji setia di dalam hati. Maksudnya, membela bangsa, tidak mengkhianati bangsa, itu perkara yang penting dan tanjak itu sendiri bermaksud tanah yang dipijak iaitu lambang kepada tanah air. Tanah air ini perlu dibela dan dijaga dan dilestarikan dan menjaga tanah air daripada anasir-anasir tidak diingini.

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Jadi, itulah rupa bangsa Melayu. Sesiapa yang hendak melihat boleh mencari syair yang ditulis oleh Tengku Tenas Effendy, begitu panjang syairnya. Itulah sedikit sebanyak, wallahualam.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (9:16 - 9:31)**

Baik, terima kasih diucapkan kepada Ustaz Ridzuan. Kepada penonton, Ustaz Ridzuan merupakan pengarang Tanjak Warisan. Jadi, sempena kali pertama bersama kami, mungkin Ustaz boleh kongsikan sedikit apa itu Tanjak Warisan yang diusahakan.

**Ustaz Mohd Ridzuan Mazaki (ahli panel) = (9:32 – 11:09)**

Saya mempunyai sebuah galeri di Ipoh yang bernama Graha Warisan. Graha itu bermaksud gedung. Gedung itu bermaksud menjaga dan memelihara warisan. Itulah tujuan galeri tersebut. Jadi, saya merupakan seorang pengusaha Tanjak Warisan. Tanjak Warisan ini merupakan tanjak yang dikarang dengan cara titisan terimba. Maksudnya, ada susur galur tanjak itu, ada sejarah atau ciri-ciri dalam sesebuah tanjak itu. Yang saya pakai ini tanjak Lang Menyusur Angin, jika direndahkan, menjadi tanjak Alang Iskandar. Jadi, di situ ada noktah-noktah atau titik-titik di mana sejarah-sejarah ini dirakam. Kebanyakan orang Melayu kit aini memakai tanjak di atas kepala ini bukan saja-saja. Tidak. Ada falsafah yang hendak dizahirkan.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (11:09 – 11:57)**

Baik, terima kasih Ustaz. Seterusnya kita hendak bertanya kepada Ar. Dr. Mastor Surat yang merupakan Felo Jabatan Seni Bina dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia tentang satu kenyataan atau pandangan, anak-anak ini jika hendak ke sekolah, misalnya mereka diminta untuk memakai tali leher. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin kita, jika hendak masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri atau Parlimen, mereka wajib memakai kot dan sebagainya. Tetapi jika kita lihat UN atau PBB, terdapat pemimpin-pemimpin dari negara luar yang berbangga memakai pakaian tradisi mereka ke suatu masyarakat yang terbesar. Apakah pandangan Dr tentang situasi ini? Silakan.

**Ar. Dr. Mastor Surat (ahli panel) = (12:00 – 13:23)**

Terima kasih saudara Hakiem. Bismillahirrahmanirrahim. Yang saya hormati, Tuan Abd Kareem, yang tidak jemu-jemu menjemput saya untuk berkongsi maklumat yang saya ada dalam majlis ini. Yang saya muliakan juga, Ustaz Ridzuan sebagai rakan panel pada malam ini. Jadi, saya rasa

ini merupakan satu soalan yang umum. Sebelum itu, sebenarnya bidang saya ialah seni bina warisan dan PhD saya adalah dalam seni bina Islam. Saya hendak bertanya kepada orang muda iaitu saudara Hakiem, adakah saudara pernah mendengar satu unsur binaan pada rumah Melayu warisan yang bernama pagar musang?

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (13:23 – 13:26)**

Saya cuma tahu cekak musang sahaja.

**Ar. Dr. Mastor Surat (ahli panel) = (13:29 – 30:58)**

Saya akan kongsi tentang pagar musang, menarik sebenarnya. Rumah Melayu mempunyai serambi dan selasa. Serambi ini jika terdapat dinding. Jika tiada dinding dipanggil sebagai selasa. Pada selasa inilah terdapat pagar musang iaitu susun tangan untuk mengelakkan kanak-kanak daripada terjatuh. Jadi, penghalang atau dinding penghadang itu yang berbentuk kayu menegak dipanggil sebagai jerejak. Tetapi ada satu lagi jenis papan yang ditebuk lubang dan terdapat corak-corak tertentu seperti bunga dan sebagainya. Papan yang ditebuk inilah yang dipanggil sebagai pagar musang. Jadi, sebenarnya kelebihan pagar musang ini adalah untuk mendapatkan perlindungan atau privasi. Orang yang berada di dalam rumah boleh melihat ke luar jika terdapat musang-musang dari hutan yang hendak masuk ke dalam rumah. Mereka boleh mengintai, tetapi orang dari luar tidak boleh masuk ke dalam. Dalam masa yang sama, lubang-lubang ini menggalakkan pengudaraan semula jadi masuk ke dalam rumah. Rakan-rakan saya dalam persatuan (tidak jelas) bertanya bahawa bolehkah kita menamakan semula pagar musang. Janganlah kerana sejarah pagar musang ini panjang ya. Sebagaimana yang kita tahu, musang ini ialah binatang liar yang tinggal di dalam hutan tetapi teringin untuk masuk ke dalam rumah. Jadi, orang di dalam rumah sentiasa melihat-lihat jika musang-musang ini dapat masuk ke rumah atau tidak. Jadi, musang ini sebenarnya adalah kiasan untuk orang jahat. Orang Melayu lebih suka berkias dan menyebutnya sebagai musang. Tetapi ada juga musang yang lepas masuk ke dalam rumah. Orang jahat lepas masuk ke dalam rumah dengan penyamaran. Penyamaran ini disebut sebagai musang berbulu ayam dan satu lagi musang berjanggut. Ini merupakan penyamaran di mana mereka menyamar sebagai ahli rumah. Hendak menampakkan mereka ini baik, maka mereka memakai baju cekak musang. Tetapi orang Barat menggunakan tali leher untuk menampakkan seseorang itu tampan. Maknanya, orang Melayu mempunyai kaedah mereka sendiri untuk kelihatan tampan. Maka, pakailah baju cekak musang, tidak perlu untuk mengikat

leher. Permasalahan orang Melayu khususnya di alam Melayu ini, di Malaysia sendiri, proses penghapusan sejarah ini berlaku. Dalam pertemuan yang lepas, saya ada membincangkan bagaimana jika hendak merosakkan sesuatu bangsa itu, rosakkanlah budaya mereka. Rosakkanlah sejarah mereka. Jadi, perkara ini yang berlaku. Jika dahulu, kita lihat perta di alam Melayu ini, sekarang kita lihat Laut China Selatan. Suatu masa dahulu sebenarnya dipanggil sebagai Laut Melayu. Saya terjumpa peta yang ditulis sebagai Laut Melayu. Maknanya, Melayu itu dihilangkan dan digantikan dengan China Selatan. Begitu juga dengan nama-nama yang ada di Tanah Melayu ini. Sebagai contoh, semenanjung Melayu yang telah ditukarkan kepada semenanjung Malaysia. Mengapa jadi begitu? Kereta api Tanah Melayu, telah ditukarkan kepada KTM. Mengapa mereka hendak menghilangkan perkataan Melayu itu dalam penulisan? Jadi, jika kita lihat pengenalan tali leher kepada orang Melayu ini bermula sejak bila? Dahulu, hanya orang-orang besar sahajalah. Apabila orang Inggeris menjadi penasihat kepada raja-raja, mereka membawa bersama orang-orang yang boleh mendidik keturunan mereka dan mereka berpakaian budaya mereka dan memakai tali leher. Di tempat mereka sejuk, memang selesa tetapi di tempat kita ini sebenarnya kurang selesa. Tetapi inilah yang berlaku di tempat kita. Pada tahun 60-an, bagaimana mereka memperkenalkannya? Mereka memulakan dengan muzik seperti Pop Yeh Yeh. Jika kita lihat pakaian mereka, memang mereka mengenakan pakaian Barat seperti tali leher. Kemudian, tahun 70-an dan 80-an, datang pula muzik rock, caranya tekah berubah. Pakaian mereka sudah agak kemas. Perkara beginilah yang diberikan kepada orang Melayu. Jika kita lihat pada awal 60-an, anak-anak Melayu yang belajar di ekolah-sekolah agama seperti Maahad, jadi mereka yang cemerlang ini diberikan bantuan oleh kerajaan Arab Saudi, bantuan biasiswa untuk belajar Bahasa Arab di Asia Barat. Mereka hanya memberikan biasiswa untuk pengajian Bahasa Arab. Kemudian, setelah mereka lulus, mereka pulang ke tanah air dan diterima sebagai pegawai di pejabat agama, ini yang berlaku. Jadi, mereka berkelulusan bahasa, menjadi pegawai. Berlaku pertelingkahan tentang sesuatu yang tidak dipersetujui. Orang Melayu telah berpecah kepada dua kumpulan. Yang pertama berkelulusan pondok, yang memegang akidah Ahlul Sunnah Wal Jamaah, dan satu lagi kumpulan yang baru pulang dari Asia barat dan dipanggil Kaum Muda. Jadi, sentiasa berlaku pertelingkahan. Kemudian, hadir pula satu kumpulan tempatan iaitu al-Arkam. Mereka cuba untuk menenangkan keadaan. Mereka memberikan pendekatan pendidikan, dakwah, perusahaan, perniagaan kerana sebelum itu orang Melayu kurang berniaga kerana mereka tidak digalakkan berniaga. Mereka hanya membeli dari

kedai bukan Melayu. Satu perkara lagi ialah kehadiran tabligh dari India yang ditubuhkan oleh British supaya mereka tidak menentang British kerana sibuk dengan aktiviti agama. Apabila datang ke Malaysia, terdapat satu kumpulan lagi tetapi mereka membawa jati diri India, manakala Kaum Muda membawa jati diri Arab. Pada tahun 60-an hingga 70-an, terdapat satu lagi kumpulan iaitu pesilat. Mereka bangkit dan cuba untuk menggambarkan semula peradaban orang Melayu kerana mereka berbusana Melayu kerana dalam persilatan, mereka ada busana khas yang mereka tonjolkan. Maknanya, pada awal tahun ini terdapat 4 kumpulan orang Melayu yang membawa Islam dalam kehidupan dengan pendekatan berbeza. Kita lihat orang Melayu sudah mula bersilat dan mendekati diri kepada Islam. Jadi, tahun 1958, pemakaian keris telah diharamkan dan tahun 1978, keris tidak dipakai dan dibiarkan begitu sahaja. Kemudian, pada masa yang sama, pemakaian busana memang langsung tidak diketengahkan. Telah dihilangkan sehingga satu masa pengantin yang bersanding diharap syirik seperti perlakuan orang India. Apabila diuar-uarkan bersanding itu seperti orang India, maka dianggap syirik dan khurafat. Maka, sudah tiada persandingan dan tiada memakai busana. Dalam era moden, ia bermula di Eropah. Evolusi industri merupakan satu gerakan untuk menolak adat dan agama. Lambang adat di Eropah ialah raja dan yang memegang agama ialah gereja. Golongan moden ini menolak raja dan gereja. Awal kurun ke 20, sudah mula penghapusan pemerintahan raja di seluruh dunia tetapi di Tanah Melayu sukar untuk dihapuskan kerana di Tanah Melayu terdapat banyak raja. Tetapi di seluruh dunia termasuk China, kerajaan terakhir ialah Ming, dan Ming ini dirosakkan oleh Jepun. Jepun menjajah China lebih 30 tahun dan menghilangkan kerajaan Ming. Kerajaan Ming ini dipelopori oleh orang Han iaitu orang yang berketurunan Melayu. Tetapi selepas penjajahan Jepun, bilangan orang Han di India dan Korea berkurang kepada 200,000 sahaja. Maka, berlaku penghapusan etnik. Jika kita lihat cerita Cina yang lama, kita lihat bagaimana peradaban mereka. Peradaban mereka tinggi, pakaian mereka. Saya setuju apabila Ustaz Ridzuan mengatakan bahawa pakaian orang Melayu ini mengikut syarak dan mempunyai falsafah sendiri. Apabila dia melihat tanjak saya, dia tahu saya orang yang bagaimana. Jadi, kita lihat inilah yang berlaku kepada orang Melayu. Alhamdulillah, saya sendiri orang kampung, walaupun saya bersekolah di bandar iaitu di Ipoh sekitar tahun 70-an, ketika itu al-Arkam sedang menaik. Ketika itu, memang pengawa memakai tali leher, tetapi yang tinggal di asrama, dibenarkan memakai baju melayu dan bersamping dan tidak memakai tali leher. Saya mengajar di UKM sejak 2004, saya tidak pernah mempunyai tali leher. Jika saya mendapat hadiah tali leher, saya akan menghadihkannya

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

semula kepada orang lain. Semua kemeja saya bercekak musang. Jadi, tidak perlu memakai tali leher. Inilah pendirian saya sejak dahulu. Alhamdulillah, Tanjak Melayu ada membuat kursus-kursus untuk membuat tanjak. Saya hadir ke kursus mereka untuk belajar membuat tanjak. Tetapi saya tidaklah mahir seperti Ustaz Ridzuan. Saya sekadar boleh membuat tanjak yang biasa-biasa sahaja. Saya lipat bagaimana sekalipun, mesti akan menjadi getam budu juga, Ustaz. Ini sahaja perkongsian saya untuk pusingan pertama ini. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (31:00 – 31:52)**

Baik, terima kasih kepada Dr Mastor. Jadi, apabila bercakap tentang getam budu, contohnya. Imej yang kita pakai pun sudah menunjukkan maksud yang tersendiri. Kita merupakan bangsa Melayu yang berbudaya. Apabila bercakap tentang budaya, kita hendak beralih kepada Sheikh Abd Kareem yang merupakan ketua aktivis bagi Gabungan Demi Maliau. Mungkin sesetengah orang menganggap pakaian yang kita pakai ini sebagai pakaian tradisional, pakaian klasik dan mengapa perlu dipakai pada zmana moden ini. Sebagai contoh, perkara ini sering dilontarkan oleh segelintir anak muda atau warga yang agak berusia. Jadi, apakah beza orang Melayu yang maju dengan orang bukan Melayu yang maju dan apa sebenarnya yang ditakrifkan dengan maju itu. Silakan.

**Sheikh Abd Kareem Sheikh Khadaied (ahli panel) = (31:53 – 40:46)**

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t. Tuan moderator, yang saya hormati, sahabat saya, Dr Mastor, Ustaz Ridzuan, terima kasih atas kehadiran dalam sesi ini. Zaman ini, selepas kita merdeka, apa yang berlaku ialah kita telah mengambil perkataan-perkataan dari dunia Barat dan kita terjemah kepada Bahasa Melayu kemudian kita ambil nilai yang ada pada perkataan asal dan kita masukkan ke dalam perkataan Melayu. Misalnya, kita ambil perkataan maju. Maju itu asalnya daripada perkataan *success* atau *progress*. Jadi, tidak ada progress dalam terminology Barat yang berkait dengan kemajuan rohani dan kekuatan rohani. Jadi, apabila dimasukkan nilai *progress* kepada perkataan maju, maka perkataan maju juga ditakrifkan sebagai satu makna yang padanya tiada elemen kerohanian. Begitu juga dalam perkataan seni. Perkataan seni yang kita ada sekarang berasal daripada perkataan art dan diterjemah kepada perkataan seni. Nilai yang ada pada perkataan seni yang kita gunakan sekarang ini, nilai itu tiada hukum sehingga yang haram [pun dianggap sebagai seni. Orang yang melakukan aktiviti-aktiviti yang haram dianggap sebagai seniman. Jadi, perkara ini memang berlaku dalam masyarakat kita. Jika kita lihat lagu

Melayu yang asalnya daripada melodi tajwid telah hilang kerana kita mengambil pendekatan yang untuk maju, kita mesti menggunakan nilai yang ada daripada kaum Barat. Begitu juga dengan rupa bangsa kita, pakaian kita, nilai peradaban kita yang semua berkisah kepada rupa bangsa kita. Sekarang ini kita berdepan dengan penjajahan pemikiran, penjajahan nilai sehingga rupa bangsa kita sendiri, identiti kita sendiri. Kadangkala saya tanya adakah Melayu akan hilang apabila rupa bangsa itu hilang, nilai-nilai itu hilang? Anak-anak kita tidak menganggap untuk menjadi maju, seseorang yang dipanggil Melayu seharusnya menjadi seseorang yang mempunyai budi bahasa, adab sopan, dan nilai-nilai yang terkait kepada Islam. Melayu dan Islam tidak boleh terpisah. Seni Melayu berpaksi kepada nilai Islam. Jadi, rupa seniman Melayu sepatutnya seorang yang membawa kita kepada Allah SWT, bukan mengajak kita terkinja-kinja, berdansa sehingga Subuh. Jadi, apabila kita menyebut tentang rupa bangsa, perkara ini menjadi asas yang harus difikirkan kerana jika kita lihat pakaian bangsa Melayu itu sendiri, wanita mempunyai baju kurung. Baju yang kita kurung. Nama itu sendiri menunjukkan dikurung auratnya, dikurung pergerakannya supaya tidak terlalu cepat pergerakannya. Kita ada cekak musang. Kajian saya menunjukkan bahawa cekak musang ini berasal daripada baju Rasulullah SAW. Jika kita lihat baju di Turki, baju Rasulullah memang baju satu butang dan kolar seperti cekak musang. Berbalik kepada soalan tadi, adakah takrifan maju bagi Melayu itu sama dengan maju bagi bangsa-bangsa lain? Bagi saya, tidak sama. Tidak boleh sama kerana nilai pada orang Melayu ialah nilai yang terkait dengan Islam. Maju bagi orang Melayu seharusnya menerima redha Allah atas segala yang dilakukan. Itu tidak bermakna kita tiada kemajuan dari segi kebendaan. Tidak. Tetapi mengapa kita mendapat kemajuan dalam kebendaan? Jadi, rupa bangsa Melayu ini sangat terancam kerana nilai yang ada pada masyarakat kita hari ini terlampau terkait dengan nilai yang dibawa masuk dari Barat. Saya masih ingat ketika saya di UiTM, rakan-rakan saya di Faculty of Arts and Design, mereka melukis orang yang tidak berpakaian. Bagi mereka, itu merupakan satu seni. Ini terjadi apabila kita ambil satu istilah daripada tamadun yang bukan Melayu dan kita bawa masuk dalam masyarakat kita dan kita bawa masuk nilainya sekali. Jadi, kerosakan itu berterusan. Jadi, adakah kemajuan Melayu sama dengan kemajuan bangsa lain? Tidak sama. Tidak seharusnya sama. Kita orang Melayu yang majunya harus terletak kepada keimanan kepada Allah SWT dan asas-asas budaya Melayu dan kita pada abad ini harus berusaha untuk mengembalikan semula nilai-nilai yang ada pada tamadun kita. Itu sahaja.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (40:52 – 42:13)**



Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Baik, terima kasih diucapkan kepada Sheikh Abd Kareem atas penerangan tentang bagaimana takrifan rupa bangsa Melayu dan sebagainya dan kita bacakan sedikit komen daripada penonton-penonton kita sebelum kita memasuki pusingan yang kedua. Daripada Zana Zanzaly, “Getam budu memang segak digayakan dengan baju Melayu cekak musang.” Dan ada yang bertanya kepada Dr Mastor, “Dr Mastor orang Perak ya?” dan daripada Kersani Malaya, “Assalam, Teluk Intan hadir.” Baik, bagi soalan yang seterusnya bagi pusingan yang kedua ini, kita hendak bertanya semula kepada panel kita tentang takrifan-takrifan yang berkait dengan rupa bangsa di mana busana itu dikatakan ada nilai, adab, dan ada akidahnya tersendiri sepertimana yang diterangkan pada awal tadi. Jadi, selain daripada perkara-perkara itu, sejauhmanakah masyarakat kita pada hari ini boleh kenal dan boleh timbul rasa hormat apabila melihat orang Melayu lalu di hadapan mereka? Silakan.

**Ustaz Mohd Ridzuan Mazaki (ahli panel) = (42:18 – 53:07)**

Tuan Hakiem, terima kasih atas soalan. Apa kaitan busana Melayu ini dengan nilai adab dan akidah. Sepertimana yang saya telah jelaskan awal tadi, bahawa busana ini ialah perkara yang menzahirkan. Busana ini perkara yang kita nampak. Jadi, busana ini sejak zaman dahulu sehingga sekarang, apabila kita lihat seseorang, kita akan melihat luarannya dahulu. Apabila kita melihat dan membicarakan busana Melayu, maknanya orang Melayu bersungguh-sungguh untuk menzahirkan nilai adab dan akidah itu. Sebagai contoh, jika kita lihat berbusana lengkap bagi lelaki ialah bersamping. Samping ini dinobatkan sebagai salah satu daripada helaian pakaian dalam pakaian kebangsaan kita. Selain berbaju Melayu, kita akan memakai samping, songkok dan sebagainya mengikut tempat dan majlis. Jadi, sekiranya telah berbaju Melayu dan berseluar, mengapa perlu ada satu lagi kain iaitu samping yang pada asalnya merupakan kain berlebihan. Jadi, memakai samping yang menutup dari pusat hingga ke lutut itu maknanya bahagian besar yang ditutup itu ialah alat sulit atau kemaluan seseorang itu. Hal ini menunjukkan kesungguhannya dalam menjaga alat sulitnya. Itu bertepatan dengan hadis Nabi Muhammad SAW. Bagaimana Rasulullah SAW menjamin, “Jika kamu menjaga dua lubang ini, maka aku jaminkan kepada kamu syurga.” Maknanya mulut dan kemaluan. Jika kita lihat kemaksiatan yang paling besar pada zaman ini banyak melibatkan dua lubang ini. Jadi, umat pada zaman dahulu bersungguh-sungguh menjaga dengan napa yang Nabi Muhammad wasiatkan kepada kita. Tetapi jika kita melihat kepada dua busana ini, tidak lari daripada tanjak atau tengkolok itu. Apabila kita

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

menyebut tentang tanjak, ia merupakan salah satu pakaian yang sangat tinggi martabatnya dalam seluruh busana itu. Jika kita lihat tanjak ini, terdapat simpulan. Jika kita lihat falsafah kepada simpulan ini, simpulan ini dinamakan dengan simpulan garam sebuku. Hujung kain dengan hujung kain yang lagi satu akan disimpulkan. Hujung kain ini disimbolikan sebagai lelaki dan perempuan, suami dan isteri. Jadi, apabila disimpulkan, merupakan simbolik kepada perkahwinan yang sah. Jadi, apabila seseorang keluar rumah dan memakainya, dia perlu faham bahawa dia lahir daripada keturunan yang baik-baik, keturunan yang lahir daripada perkahwinan yang sah. Ini simbolik kepada adab yang tinggi. Jadi, jika seseorang keluar rumah dengan memakai tanjak, ada tak terdetik dalam hati mereka untuk merosakkan jalinan perkahwinan atau keturunan susur galur ini iaitu dengan cara berzina dan sebagainya. Ini sedikit sahaja yang kita bincangkan dan ini merupakan simbolik yang akhirnya menunjukkan tanjak ini mempunyai karangannya atau solek. Ini lahir daripada simbolik individu keluarga tersebut dan lahirnya masyarakat. Dari situlah kita dapat lihat keturunan seseorang melalui tanjaknya. Bahagian karangan ini menzahirkan keturunan, identiti, jawatan dan lambang kepada masyarakat. Jadi, berapa ramai orang Melayu yang tahu akan simbolik-simbolik ini? Bagi saya, pakai atau tidak ini terpulang kepada hak masing-masing tetapi memahami perkara tersebut ialah satu perkara yang sangat penting. Memahami dna menghidupkan falsafah itu adalah sangat penting. Jadi, adakah masyarakat hari ini boleh hormat dan kenal pakaian Melayu yang saya pakai ini dan Dr Mastor Surat yang sangat saya hormati. Di semua tempat, pakaiannya sangat menunjukkan jati diri dan menjadikan inspirasi kepada anak muda. Alhamdulillah, saya sebagai Ustaz juga menjadikan tanggungjawab ini untuk memperkenalkan kepada orang Melayu. Maknanya, saya mengenakan tanjak ketika kuliah Maghrib dan sebagainya. Daripada situ, orang akan melihat dan bertanya mengenainya dan kita akan mendapat peluang untuk menjelaskan perkara tersebut dengan memakainya sahaja. Apabila kita berkhutbah sama ada khutbah Jumaat atau khutbah hari raya memakai pakaian tersebut untuk menunjukkan mesej yang jelas. Jadi, walaupun terdapat pelbagai pandangan dan reaksi serta respon daripada pelbagai orang, tetapi bagi saya mereka merupakan orang yang belum tahu dan menjadi tanggungjawab kami sebagai penggiat aktivis busana untuk menerangkan perkara ini di semua lapangan. Pernah masuk televisyen, surat khabar, dan masuk dalam Facebook Demi Malaiu ini. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memperkenalkan dan memahami perkara tersebut. Saya akan menceritakan pada bahagian keisimpulan tentang kisah menarik saya dengan seorang imam jemputan daripada Gaza,

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

maknanya orang Arab yang datang ke sini dan saya menjadi penterjemahnya sepanjang dia berada di sini. Sepanjang perbualan kami, kami menceritakan tentang budaya kerana setiap kali sembahyang Jumaat, saya akan memakai tanjak dan dia tertarik. InsyaAllah saya akan kongsi pada hujung nanti Secara umumnya, banyak respon yang baik daripada yang kurang baik. Wallahualam.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (53:08 – 54:06)**

Baik, terima kasih diucapkan kepada Ustaz atas penerangan tersebut. Nampaknya ada rahsia yang hendak dikongsi pada hujung rancangan nanti. Baik, seterusnya kita hendak bertanya kepada Dr Mastor. Soalan ini masih berkait dengan jati diri. Jika kita sebut tentang Malaysia, kita tahu ada Melayu, Cina, India, Bumiputera dan sebagainya. Tetapi kita ambik golongan yang paling besar sebagai contoh, antara Melayu dan Cina mungkin dari segi kebanggaan untuk mempamerkan pakaian tradisional itu kurang. Ini dari segi pandangan umum. Tetapi jika kita lihat masyarakat India, mereka masih berbangga untuk menunjukkan saree, dhoti mereka dan mereka tidak berasa janggal atau malu pun. Apakah komen Dr tentang situasi budaya yang berlaku dalam Malaysia ini? Silakan.

**Ar. Dr. Mastor Surat (ahli panel) = (54:10 – 1:06:20)**

Terima kasih saudara pemudahcara, Hakiem. Sebelum menjawab, saya hendak kongsi sedikit tentang pemakaian tanjak. Dalam Majlis Konvoquesyen, saya merupakan graduan daripada UTM tahun 80-an. Saya masih ingat ketika saya diploma dan sarjana muda. Pegawai-pegawai yang duduk di atas pentas itu memakai tanjak. Saya rasa sangat hebat penampilan mereka. Saya sangat tertarik. Itulah yang digambarkan. Nampaknya, kini sudah tiada budaya begitu. Saya cuba juga memakai tanjak di Majlis Konvoquesyen di Universiti Kebangsaan Malaysia. Universiti kebangsaan pun tidak membenarkan saya memakai tanjak ketika hendak masuk ke dalam dewan kerana itu bukan pakaian rasmi untuk masuk ke dalam dewan. Saya faham. Tetapi saya rasa sudah tiba masanya untuk kita lihat semula pemakaian tanjak bagi orang Melayu. Sangat tampan sebenarnya. Saya tertarik apabila Tuan Kareem ada menyebut tentang rakan-rakan beliau yang belajar seni yang melukis manusia yang tidak berpakaian. Sebenarnya seni itu tidak salah tetapi pendekatannya yang salah. Jika dalam seni itu cuba melakarkan perkara-perkara yang berkaitan dengan alam, selain manusia, tumbuh-tumbuhan juga merupakan sumber alam. Jadi, saya masih ingat dahulu ketika saya belajar seni, saya tidak memilih manusia yang tidak berpakaian tetapi

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

saya memilih daun, bunga-bunga dan sebagainya. Kita sendiri yang perlu membuat pilihan. Bidang saya ialah seni bina, seni bina itu tidak salah tetapi pendekatannya yang membuatkan perkara itu salah. Tadi Sheikh Abd Kareem ada menyebut tentang maju. Bagi saya, maju yang dicipta oleh Barat telah gagal kerana kita telah melihat kemajuan yang cuba dibangunkan oleh Barat melalui modenism, mereka menolak agama dan budaya. Budaya ini menaikkan maruah manusia, dan agama yang meletakkan manusia pada landasan dan syariat yang betul. Jika kedua-dua perkara ini ditolak, maknanya tiada kemajuan dalam diri manusia tersebut. Saya sentiasa memberi nasihat kepada pelajar-pelajar saya supaya tidak iri hati terhadap orang yang belum Islam. Mereka tidak akan maju kerana mereka menolak Allah SWT dan sebagainya dan tidak melakukan kebaikan. Mungkin mereka melakukan kebaikan tetapi hanya kepada manusia, dan hanya dalam bentuk zahir sahaja. Jadi, kita sebagai umat Islam yang mengamalkan syariat Islam dan berpegang kepada akidah Islam, kitalah manusia yang terbaik sebenarnya kerana yang meletakkan pengukuran itu siapa? Yang meletakkan tanda aras itu siapa? Jika kita meletakkan tanda aras itu bahawa sesuatu kemajuan mestilah meletakkan tauhid kepada Allah SWT, sudah tentu mereka kalah. Tetapi mereka tidak meletakkannya sebagai tanda aras. Mereka hanya meletakkan sebab-sebab lain. Jadi, sebab-sebab itulah yang menampakkan mereka tidak maju. Saya juga tertarik apabila Ustaz Ridzuan menyebut tentang busana Melayu. Saya mengajar sejarah seni bina. Seni bin aini merupakan gabungan daripada budaya, iklim persekitaran. Saya meminta pelajar saya mengkaji semua busana-busana, pakaian warisan semua kaum di seluruh dunia dan buat perbandingan. Dan jika kita nilaikan satu persatu, tidak ada yang boleh menandingi busana orang Melayu. Busana Melayu ini sangat hebat, bukan hanya menutup aurat mengikut syariah, tetapi falsafahnya sangat tinggi. Saya setuju dengan Ustaz Ridzuan bahawa setiap unsur pakaian ini mempunyai makna yang tersendiri. Umpamanya, cekak musang orang Melayu membuat butang 5 atau butang 3 tetapi saya lihat sekarang ada yang berbutang 4. Maknanya mereka hanya meniru sahaja dan tidak tahu falsafahnya. Kembali kepada persoalan tadi, orang Melayu ini sudah malu untuk memakai aju-baju Melayu ini. Saya rasa tidak juga begitu. Jika kita lihat, wanita Melayu Islam sering memakai baju kurung. Saya tertarik dengan pernyataan Sheikh Abd Kareem tadi, baju kurung maknanya mengurung aurat dan sebagainya. Cuma orang sekarang sudah membuat baju kurung yang agak ketat yang menampakkan bentuk badan. Maknanya, kurang kurung. Melalui pemerhatian saya, wanita Melayu Islam dari dahulu lagi sememangnya mengenakan pakaian baju kurung cuma untuk berbusana untuk kelihatan

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

hebat sebagaimana majlis-majlis tertentu itu kurang. Tetapi ramai yang memakai baju kurung. Lelaki Melayu Islam yang hendak memakai baju Melayu, seperti yang saya kongsi tadi, kumpulan persilatan mensyaratkan ahli mereka memakai baju kurung. Jadi, pada awal 60-an, mereka sudah begitu. Bagi saya, memandangkan saya orang kampung, setiap hari raya, ayah saya memang membuatkan saya baju kurung iaitu baju Melayu. Jadi, walaupun hanya dibuat setahun sekali, tetapi tidak putus. Orang Melayu memang ada koleksi pakaian Melayu. Sekurang-kurangnya ada dua kali, ketika raya puasa dan raya haji. Cuma sejak kebelakangan ini sahaja, Alhamdulillah orang Melayu sudah berani menonjolkan diri mengenakan busana. Saya sendiri pun baru sahaja mengenakan busana. Saya banyak menceritakan dan berkongsi maklumat mengenai orang Melayu. Jadi, bagi saya perlu menonjolkan diri saya dengan jati diri Melayu. Jadi, dari situlah timbul minat saya untuk memakai busana lengkap orang Melayu. Jadi, selepas itu saya cuba mempelajari falsafahnya kerana saya belajar silat agak lewat. Saya berumur 50 tahun baru belajar silat. Saya cuba lihat apa gunanya bengkung dalam persilatan? Rupa-rupanya, ada sebabnya. Mengapa orang memakai pending? Jika kita lihat pending ini terdapat yang 4 inci lebar, ada yang 8 inci lebar, ada 10 inci lebar. Mengapa begitu? Jika kita lihat juga pakaian lengkap busana berselempang. Jika tiada selempang kelihatan seperti tidak berbaju. Tidak lengkap busana itu. Jika kita tiada bengkung, tiada selempang, tiada keris, busana itu tidak lengkap. Cuma sekarang ini, jika hendak bergambar dalam majlis-majlis tertentu kita pakai juga keris. Cuma masalahnya seperti yang saya sebutkan tadi, pada tahun 1958, pemakaian keris sudah diharamkan. Saya agak kecewa kerana itu merupakan lambang orang Melayu yang dijunjung. Jadi, mengapa lambang orang Melayu yang tinggi diharamkan oleh orang Melayu sendiri. Sebenarnya, orang Melayu yang saya maksudkan ini ialah musang berbulu ayam tadilah. Musang berjanggut dan musang berbulu ayam inilah yang memberikan masalah kepada kita. Silap-silap sudah dikhurafatkan. Jadi, amalan orang Melayu ini sudah banyak yang mereka katakan sihir, Saya baru kongsi dengan Sheikh tentang mandi tabal. Orang-orang yang berfahaman Wahabiyah ini mengadakan bahawa perkara ini berkaitan dengan jin sedangkan Rasulullah sendiri mengamalkan mandi tabal. Baginda memandikan sahabat kerana penyakit ain. Tetapi amalan ini sudah dikhurafatkan oleh musang berjanggut. Ini masalah kita. Merekalah musuh kita sebenarnya. Mereka secara halus menyekat pergerakan orang Melayu. Cukup setakat itu sahaja. Kembali kepada saudara Hakiem.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:06:21 – 1:07:20)**

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Terima kasih kepada Dr Mastor. Kita hendak bacakan sedikit komen daripada penonton kita iaitu Marina Al Bakri, “Bolehlah berjuang busana Melayu digalakkan sehingga diutamakan di institusi pengajian dan pekerjaan.” Seterusnya daripada Kersani Malaya, “Syabas Ustaz dan semua ahli panel kerana mengangkat busana Melayu pada akhir zaman ini.” Seterusnya kita hendak bertanya kepada Sheikh Abd Kareem soalan yang terakhir, bercakap tentang busana Melayu ini mencerminkan rupa bangsa Melayu. Namun, siapakah pelaksana sebenar usaha untuk memantapkan Bahasa Melayu ini. Jika kita sekadar berharap kepada individu sahaja, kitab oleh katakan bahawa perkara ini bersifat peribadi. Tetapi jika hendak menjadikan sebagai usaha pada peringkat nasional, bagaimanakah cadangannya? Silakan.

**Sheikh Abd Kareem Sheikh Khadaied (ahli panel) = (1:07:21 – 1:13:02)**

MasyaAllah, saya impikan melihat persidangan parlimen di mana semua MP-MP kita erpakaian busana. Saya impikan Majlis Konvokesyen, paling sedikit pun di UiTM di mana graduan semua berbusana, persyarah di atas pentas, semua berbusana. Saya impikannya untuk kita memuliakan semula busana Melayu. Apa yang kita hendak malu dengan busana kita sendiri. Tetapi mungkin ini satu mimpi, sehingga tamat riwayat pun tidak akan melihatnya. Tetapi saya tetap berdoa supaya suaty hari di Tanah Melayu, pemimpin dan orang kita tidak malu malah megah untuk berbusana Melayu. Busana ini mempunyai rohnyanya. Kita banyak bercakap tentang tanjak tetapi songkok hitam ini pernah saya pakai di Turki. Sahabat saya menegur bahawa songkok ini berasal daripada tentera Elite zaman Uthmaniyah dan kita tahu kerajaan Uthmaniyah dan Melaka mempunyai hubungan yang begitu rapat sebagai pejuang-pejuang Islam. Jadi, hatta songkok hitam pun mempunyai nilai identiti, sifat jihad, keberanian seperti tanjak, busana kita. Jadi, selain daripada nilai dan akidah yang terkait daripada busana Melayu itu sendiri, kita juga ada sifat-sifat di mana walaupun kita sebagai satu bangsa banyak bersabar, toleransi, keris itu ada dan jarang dikeluarkan. Tetapi apabila dikeluarkan, parah jadinya. Tetapi mungkin perkara seperti ini saya tidak tahu adakah kita dapat mewujudkan satu kebangkitan tamadun Melayu semula sehebat Melaka di mana kita mentakrifkan nilai-nilai mengikut nilai Melayu dari segi cara berpakaian, berbudaya, mencari kemajuan, cara membuat rumah dan sebagainya. Tetapi mengapa bangunan di Kuala Lumpur tidak ada satu nilai architecture yang melambangkan Melayu? Jika kita pergi ke Kuala Lumpur, bangunannya tidak ada beza dengan bangunan di New York, London atau bandar-bandar lain. Hanya beberapa bangunan sahaja yang mempunyainya.

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Kita lihat juga banyak nama-nama taman dinamakan dengan nama Barat. Di manakah rupa bangsa kita? Di manakah kesungguhan kita untuk memuliakan rupa bangsa kita sendiri? Adakah dasar kebudayaan negara kita adalah dasar kebudayaan yang berpaksi kepada nilai bukan Melayu? Jadi soalan ini agak berat tetapi harus fikirkan. Adakah anak cucu kita akan hilang rupa bangsa Melayu? Saya berhenti dengan soalan itu. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:13:05 - 1:13:31)**

Baik, terima kasih diucapkan oleh Sheikh Abd Kareem atas soalan yang ditinggalkan itu dan daripada Mat Rased, katanya "Kebangkitan tamadun, setuju." Kita sudahpun sampai ke penghujung program, kita hendak dapatkan sedikit kesimpulan, kita hendak mendengar cerita yang Ustaz Ridzuan simpan sehingga ke akhir ini. Jadi, kita mulakan dengan Ustaz Ridzuan. Silakan.

**Ustaz Mohd Ridzuan Mazaki (ahli panel) = (1:13:34 - 1:18:55)**

Baik, terima kasih saudara Hakiem. Itu merupakan taktik supaya orang boleh menonton sehingga ke penghujung rancangan. Pengalaman saya sendiri, sebelum ini saya merupakan seorang tenaga pengajar di Maahad Tahfiz sebelum saya berkecimpung sepenuhnya sebagai penggiat busana. Apabila saya menjadi penterjemah dalam Road Tour sepanjang Ramadhan, Imam jemputan daripada Gaza mendapatkan dana untuk Palestin dan sebagainya. Apabila saya berbusana ketika bersembahyang Jumaat, dia bertanya baju apakah yang saya pakai. Saya mengatakan bahawa ini merupakan baju tradisi orang Melayu. Kemudian, saya bertanya adakah orang Gaza mempunyai baju tradisi kerana saya ingat dahulu ketika saya masih kecil, saya selalu membaca ensiklopedia yang memuatkan semua pakaian tradisi bangsa-bangsa di dunia. Antara yang saya paling ingat ialah bangsa Palestin. Penuh berwarna-warni. Dia menjawab bahawa ada tetapi mereka sudah tidak memakainya. Saya mengatakan bahawa baju ini dipakai ketika perkahwinan dan dipakai oleh raja-raja dan sebagainya. Dia hairan kerana masih ada lagi bangsa yang memakai pakaian tradisional mereka. Saya bertanya apakah pakaian yang mereka pakai ketika perkahwinan? Dia mengatakan bahawa memakai tali leher, kot dan sebagainya. Maknanya, tiada identiti atau rupa bangsa itu sendiri. Jika mereka memakai tali leher dan sebagainya, sudah tentu tidak kelihatan seperti rupa bangsa Palestin kerana itu merupakan rupa bangsa Barat. Dari situ, saya tersentak.

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Maknanya, orang Melayu cukup beruntung kerana walaupun mereka tidak pernah memakai busana, tetapi mereka akan memakainya ketika hendak berkahwin. Mereka bercita-cita untuk memakainya walaupun sekali. Mereka boleh lihat kemegahan atau kegemilangan apabila majlis adat-istiadat, pertabalan dan sebagainya di hadiri oleh pelbagai bangsa, pemimpin-pemimpin daripada luar negara, lihat betapa gahnya orang Melayu di dalam istana, di dalam majlisnya, pakaiannya cukup hebat dan Alhamdulillah sehingga sekarang berkekalan. Untungnya orang Melayu. Sebagai pejuang aktivis busana, kamilah yang merapatkan jurang tersebut. Kami menjelaskan pakaian ini dipakai secara harian kerana itulah rupa bangsa kita. Jadi, saya hendak beritahu kepada semua, kita orang Melayu sangat beruntung kerana kita dapat melihat lagi rupa bangsa kita yang asal di mana terdapat bangsa lain yang sudah hilang rupa bangsa. Keberuntungan ini bukan untuk kita ambil sambalewa sahaja tetapi perlu dipertahankan, dihayati untuk kita bela rupa bangsa kita, jati diri bangsa kita yang sangat berpegang kukuh kepada syariat dan rapat dengan sunnah. Wallahualam. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:18:57 - 1:19:04)**

MasyaAllah, pengalaman bersama warga Palestin itu memberikan satu impak secara peribadi.

**Ustaz Mohd Ridzuan Mazaki (ahli panel) = (1:19:05 - 1:19:32)**

Ia menjadi titik tolak kepada saya untuk memperjuangkan busana Melayu daripada menjadi seperti bangsa Palestin. Wallahualam.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:19:34 - 1:19:41)**

Baik, jadi bagaimana pula dengan kesimpulan Dr Mastor tentang adakah Melayu perlu hilang rupa bangsa untuk maju? Silakan.

**Ar. Dr. Mastor Surat (ahli panel) = (1:19:46 - 1:31:50)**

Terima kasih saudara Hakiem. Saya tertarik dengan cerita Ustaz Ridzuan tadi. Mengapa orang Melayu masih boleh mengamalkan budaya dan memegang Islam. Jika kita lihat di Malaysia ini, saya boleh katakan di benteng pertahanan Ahlul Sunnah Wal Jamaah yang terakhir, mengapa kita boleh mempertahankan syariat Islam dan budaya orang Melayu? Seperti yang saya sebutkan dahulu, hal ini kerana orang Melayu tidak pernah dijajah. Tanah Melayu tidak pernah dijajah. Jika perhatikan negara-negara lain umpamanya keturunan yang sama dengan orang Melayu iaitu



Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

orang Mestizo di Amerika Selatan. Di Chile, Peru, Argentina, Mexico dan Brazil, orang Mestizo adalah majoriti. Muka mereka sama seperti kita. Mereka juga membina piramid-piramid yang besar tetapi mengapa budaya mereka dihilangkan, bahasa mereka dihilangkan. Mereka bercakap menggunakan bahasa mereka sesama sendiri tetapi dalam bahasa kebangsaan menggunakan bahasa penjajah. Sebahagian besar negara-negara yang dijajah, budaya mereka dihilangkan. Jadi, memang betul tadi Ustaz Ridzuan mengatakan orang Melayu di Malaysia ini masih boleh mengamalkan budaya kita dan mengekalkan Islam. Hal ini kerana kita tidak pernah dijajah. Jika kita pernah dijajah, kita akan sama seperti mereka. Saya telah membincangkan perkara ini. Jadi, saya hendak berkongsi sedikit tentang seni bina. Sebenarnya, apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan, Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan supaya bangunan-bangunan yang ada di Malaysia ini menzahirkan seni bina yang beridentitikan kebangsaan. Jika kita lihat, semasa zaman Tunku Abdul Rahman, telah ada usaha untuk menzahirkan seni bina yang beridentitikan kebangsaan. Jika kita lihat Masjid Negara, Muzium Negara dan banyak lagi. Terdapat banyak persidangan antara negara, antarabangsa yang diadakan di Malaysia ini dan cuba menggarap satu gagasan seni bina yang beridentitikan kebangsaan. Tetapi apabila bertukar kepimpinan, idea tersebut sudah dihilangkan sejak 70-an. Jika kita lihat masjid yang sebelum ini cuba menzahirkan seni bina warisan, tetapi akhirnya dibuang. Banyak seni bina warisan orang Melayu dibunuh. Jadi, hendak membina masjid perlu menggunakan khubah. Mengapa masjid di Tanah Melayu ini perlu berkhubah? Jadi, saya mengambil inisiatif. PhD saya ialah seni bina Islam, saya mengkaji khusus mengenai khubah. Jika kita perhatikan binaan-binaan khubah yang ada di seluruh dunia ialah rumah ibadat. Jika kita lihat rumah ibadat orang Mahjusi di Iran, Hagia Sophia di Turki, Stupa Buddha di India, kuil-kuil India di India, kuil orang agama Sikh, kebanyakannya adalah berkhubah. Jadi, satu persoalan besar kepada saya, mengapa kita hendak membina masjid pun berkhubah. Jadi, saya kaji dan mendapati sebenarnya tidak betul. Satu kesilapan yang besar sebenarnya kita membuat masjid berkhubah di alam Melayu ini kerana kita juga ada identiti. Binaan piramid ini juga merupakan lambang Melayu mengikut kajian saya. Piramid atau dalam Bahasa Melayu, Meru merupakan lambang orang Melayu. Malay dalam Bahasa Sanskrit, dalam Bahasa Tamil bermaksud kota gunung. Kota gunung itu apabila diterjemahkan ialah piramid. Jadi, jika kita lihat tanjak yang dipakai oleh Ustaz Ridzuan, itu adalah lambang piramid sebenarnya. Itu merupakan lambang kepada orang Melayu. Itu sebab kita membina binaan masjid-masjid berpiramid. Malah saya bersama dengan pelajar PhD saya mengkaji kelebihan

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

binaan piramid atau bumbung curam berbanding dengan bumbung-bumbung yang lain. Banyak keistimewaannya. Jadi, inilah yang cuba diperjuangkan saya, Alhamdulillah dalam kumpulan yang sedang memperjuangkan satu gagasan seni bina identiti kebangsaan di Lembaga Arkitek Malaysia, kita sudah menyediakan satu polisi tetapi belum di (tidak jelas). Itu masalahnya. Kita sudah menyediakan satu polisi atau dasar supaya bangunan di Malaysia menggambarkan identiti kebangsaan. Jadi mengapa bangunan kita tiada identiti kita? Hal ini kerana itulah salah satu arahan baru dunia. Jika kita lihat, semua bangunan tidak mempunyai identiti di seluruh dunia. Tiada nilai budaya dan nilai agama. Dia tidak menghargai alam sekitar. Kotak sahaja. Kotak ini kosong. Bisu dan pekak. Tiada berkata-kata. Itulah masalah kita sekarang. Saya juga tertarik dengan kata-kata Sun Tzu. Kita sudah diserang sebenarnya. Mereka tidak berjaya menjajah Tanah Melayu dan menjajah orang Melayu. Mereka cuba menggunakan pendekatan halus melalui musang berbulu ayam dan musang berjanggut. Ini yang kita kena faham. Jadi, saya tertarik dengan kata-kata Sun Tzu, seorang ahli falsafah yang terkenal dengan tulisannya Art of War, "Jika kamu kenal musuh dan kenal diri sendiri, maka kita tidak akan takut untuk berhadapan dengan apa sahaja. Berdepan dengan beratus-ratus peperangan, kita tidak akan gentar kerana kita kenal musuh dan kita. Itulah sebabnya kita kena kenal musuh kita. Siapa sebenarnya musang berbulu ayam dan musang berjanggut ini yang telah mengganggu budaya kita, mengganggu amalan Islam kita. Kita kena kenal mereka dan jangan mengalah. Dalam seni bina, saya sudah 5 kali kena terminate sebagai arkitek kerana mereka meminta saya untuk membuat masjid menggunakan khubah. Saya menolak. Saya mengatakan bahawa kita ada maruah, kita ada pendekatan sendiri. Saya tidak mendengar cakap mereka, 5 kali saya kena terminate kerana saya mereka bentuk masjid dan surau tanpa khubah. Itu adalah pendirian saya. Saya yakin bahawa rezeki Allah SWT yang berikan. Jadi tidak mengapa. Kita akan dapat projek lain pula. Yang penting kita sampaikan maklumat kepada mereka dan mereka tahu. Walaupun satu jabatan yang kononnya hendak memajukan orang Islam, Jabatan Kemajuan Orang Islam. Kita tahu siapa pemimpinya. Jadi, kalau dia hendak membuat masjid dengan khubah, saya tanya, "Mengapa tuan mahu khubah?" Dia pun tiada jawapan sebenarnya. Jadi, selepas saya mendapat PhD dalam seni bina Islam, saya sering dijemput untuk berkongsi rangka pengukiran seni bina Islam dalam konteks pewilayahan tetapi lama-kelamaan mereka sudah tidak mahu menjemput saya kerana pendapat saya berbeza dengan mereka. Bagi mereka, Islam itu hebat, megah dan besar. Kita gunakan ukiran daripada luar negara daripada Iran. Tidak mahu ukiran

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

daripada bunga teratai, bunga bakawali dan sebagainya. Mereka mahu ukiran daripada India, Pakistan, Iran dan sebagainya. Jadi di mana Islamnya di situ? Mereka pun tidak mampu menjawabnya. Mungkin disebabkan ada ganjaran untuk mereka, tetapi saya tidak melihat begitu. Saya melihat mereka hendak membunuh warisan orang Melayu. Ini yang berlaku. Itu sebab Sheikh Abd Kareem melihat bangunan di Malaysia ini kelihatan seperti di New York, China dan Jepun kerana mereka sudah membunuh warisan kita. Inilah yang sedang mereka lakukan dan ini jugalah yang menyukarkan kami, orang yang cuba untuk menggagas kembali seni bina identiti kebangsaan ini. Ini merupakan cabaran kami. Jika kita lihat al-Quran dalam surah al-Hujurat ayat 60. Allah SWT telah berpesan, "Bersiap sedialah kamu dengan apa sahaja kekuatan bagi menggerunkan musuh." Walaupun angkatan berkuda, mereka gerun. Jadi sudah sampai masanya, kita jangan bertolak ansur. Kita asyik mengalah sahaja. Hari ini kita lawan. Biar mereka gerun dengan kita. Saya tahu mereka sangat gerun dengan kita. Kita tidak ganggu mereka, mereka yang ganggu kita. Ini yang berlaku sekarang. Jadi bagi saya, tiada gerun lagi. Tidak perlu. Allah SWT telah berpesan. Budaya berbusana ini sangat tampan, sangat hebat. Orang lain tidak boleh lawan kehebatannya, dengan falsafahnya. Jadi perkara begini orang lain tidak boleh lawan sebenarnya kerana kita merupakan bangsa yang bermaruah, bangsa yang agung. Sekian, Assalamualaikum w.b.t.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:31:52 - 1:31:56)**

Walaikumussalam w.b.t. Yang terakhir daripada Sheikh Abd Kareem, silakan.

**Sheikh Abd Kareem Sheikh Khadaied (ahli panel) = (1:31:58 - 1:35:51)**

Bismillahirrahmanirrahim, saya hendak mengangkat semula apa yang disebutkan oleh Dr Mastor tadi, Bahasa Melayu selepas merdeka sudah mula menerima fahaman-fahaman dari luar. Satu fahaman adalah daripada Barat di mana nilai-nilai termasuk nilai seni bina dan kemajuan datang daripada Barat yang mengancam dan mengubah tiang-tiang seri bangsa. Kemudian datang lagi satu ancaman. Kali ini, datang ancaman yang berasal dari dunia Islam. Apa yang sahabat saya, Dr Mastor sebut tadi, sekarang ini dipanggil sebagai fahaman Wahabiyah. Kita orang Melayu ini, budaya beragama kita berasaskan kepada Ahlul Sunnah Wal Jamaah. Majlis Fatwa Muzakarah telah memutuskan bahawa Wahabi bukan daripada Ahlul Sunnah Wal Jamaah. Budaya Melayu kita, rupa bangsa kita adalah berasas kepada Ahlul Sunnah Wal Jamaah. Jadi selepas Wahabi, datang lagi satu fahaman yang mengganggu gugat rupa bangsa kita iaitu

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

fahaman liberalisasi. Kita lihat pereka-pereka kita mula membuat Baju Melayu ala fesyen baru. Ketat, pesak pun tiada, samping tidak tahu ke mana, butang tidak tahu bagaimana dan sebagainya. Ini merupakan cabaran yang mendatang iaitu liberalisasi. Kita mempunyai tiga cabaran yang besar yang menggugat rupa bangsa kita. Satu merupakan ancaman yang datang dari Barat, kedua fahaman Wahabiyah dan ketiga liberalisasi. Ketiga-tiga ini ada dalam masyarakat kita sekarang dan mengganggu gugat rupa bangsa kita. Saya hendak menutup dengan membaca satu tulisan sebagai penutup. Adat resam Melayu yang kaya dengan kunci-kunci hidup haruslah dikekalkan demi kesejahteraan bangsa. Jika kita mula lupa rupa bahasa, janganlah hendaknya kita lupa rupa bangsa yang lembut, sempurna dan bergaya. Jika tidak, Melayu akan hilang dari dunia. Terima kasih. Assalamualaikum w.b.t.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:35:52 - 1:31:56)**

Waalaikumussalam w.b.t. Baik, jadi dengan itu berakhirlah Perbincangan Rakyat Demi Melayu pada malam ini yang berkait dengan Melayu Nak Maju, Mesti Hilang Rupa Bangsa. Kepada anda yang masih menonton program ini, insyaAllah pada hari Ahad ini, pada waktu yang sama, 7 haribulan, kita ada satu lagi program dengan tajuk Apa Itu Ibadah dan Mengapa Bidaah? Antara topik yang sering menjadi perdebatan yang masih tidak selesai hingga hari ini. Teria kasih kerana setia bersama Perbincangan Rakyat Demi Melayu, kita jumpa lagi, InsyaAllah. Assalamualaikum.